

Bab 1

WARISAN NEGARA BANGSA

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa sebelum Kedatangan Barat

(Buku Teks m.s. 4 – 5)

- 1 Senarai berikut berkaitan dengan kerajaan di Alam Melayu.

- Kerajaan Champa
- Kerajaan Srivijaya
- Kerajaan Majapahit
- Kerajaan Gangga Nagara

Apakah warisan kerajaan tersebut terhadap Kesultanan Melayu Melaka?

- A Ciri-ciri negara bangsa
- B Asas pembentukan negara
- C Kedaulatan undang-undang
- D Lambang kebesaran kerajaan

(Buku Teks m.s. 4)

- 2 Bagaimanakah kedudukan raja di Kerajaan Alam Melayu diperkukuhkan?

- A Ditaati oleh rakyat jelata
- B Dibantu oleh para pembesar
- C Dipengaruhi oleh kuasa asing
- D Disokong oleh golongan agama

(Buku Teks m.s. 4)

- 3 Soalan berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa Melayu.



Apakah X?

- A Kerajaan
- B Kedaulatan
- C Lambang kebesaran
- D Wilayah pengaruh

(Buku Teks m.s. 4)

- 4 Raja di Kerajaan Alam Melayu berikut dianggap sebagai pemerintah yang suci.

Raja Champa

Apakah gelaran untuk hubung kait dengan pemerintah tersebut?

- A Dewa Siva
- B Dewa Raja
- C Dewa Vishnu
- D Dewa Krishna

(Buku Teks m.s. 4)

- 5 Undang-undang *Kutara Manawa* telah diguna pakai di Kerajaan Alam Melayu.

Apakah kerajaan tersebut?

- A Kerajaan Funan
- B Kerajaan Srivijaya
- C Kerajaan Majapahit
- D Kerajaan Kedah tua

(Buku Teks m.s. 4)

- 6 Raja di Kerajaan Alam Melayu mendapat penghormatan yang tinggi daripada rakyat. Mengapakah raja mendapat penghormatan tersebut?

- A Merupakan tonggak utama kerajaan
- B Menjadi perantara dengan pembesar
- C Mengelakkan pencerobohan kuasa luar
- D Memelihara kebajikan di kawasan pegangan

(Buku Teks m.s. 4)

- 7 Gambar berikut berkaitan dengan sebuah inskripsi di kerajaan Srivijaya.



Telaga Batu

Mengapakah Raja Srivijaya membina inskripsi tersebut?

- A Lokasi pembesar mengutip cukai
- B Tempat upacara kesetiaan rakyat
- C Tempat penyebaran agama Hindu
- D Lokasi pengesahan daripada tuhan

(Buku Teks m.s. 4)

8 Kerajaan Srivijaya telah meneruskan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh kerajaan Alam Melayu sebelumnya.

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?

- I Kerajaan Funan
- II Kerajaan Champa
- III Kerajaan Majapahit
- IV Kerajaan Kedah Tua

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 5)

9 Sebuah kerajaan di Tanah Melayu telah mewarisi asas negara bangsa dari Kerajaan Srivijaya. Apakah kerajaan Tanah Melayu tersebut?

- A Perlis
- B Melaka
- C Selangor
- D Terengganu

(Buku Teks m.s. 5)

10 Kesultanan Johor-Riau telah berjaya mengukuhkan ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu. Bagaimanakah tindakan kesultanan tersebut?

- A Mengeratkan hubungan luar
- B Menjalankan perluasan kuasa
- C Menekankan kepentingan Islam
- D Mengelakkan campur tangan Barat

(Buku Teks m.s. 5)

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

(Buku Teks m.s. 6 – 7)

11 Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai ciri negara bangsa berikut.

Kerajaan

Apakah bukti menyokong pernyataan tersebut?

- A Kewujudan raja
- B Ketaatan rakyat
- C Kewujudan pembesar
- D Kemajuan perdagangan

(Buku Teks m.s. 6)

12 Jadual berikut berkaitan dengan gelaran pemerintah di Kesultanan Melayu Melaka.

Sebelum Kedatangan Islam	Selepas Kedatangan Islam
Raja	X

Apakah gelaran X?

- A Datu
- B Sultan
- C Yamtuan
- D Yang Dipertuan

(Buku Teks m.s. 6)

13 Senarai berikut berkaitan dengan rakyat di kerajaan Alam Melayu.

- Orang Laut
- Orang Melaka

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?

- A Kesultanan Pahang
- B Kesultanan Kelantan
- C Kesultanan Johor-Riau
- D Kesultanan Melayu Melaka

(Buku Teks m.s. 6)

14 Senarai berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

Kedaulatan

Apakah kepentingan ciri negara bangsa tersebut?

- A Pembesar dilantik oleh sultan
- B Sultan dapat mengawal rakyat
- C Rakyat mematuhi undang-undang
- D Pentadbiran pusat berjalan lancar

(Buku Teks m.s. 6)

15 Kesultanan Melayu Melaka telah berjaya meluaskan pengaruh ke kerajaan berikut.

- Pahang
- Inderagiri
- Kuala Linggi

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kerajaan tersebut?

- A Pertuanan
- B Peperangan
- C Perkahwinan
- D Persahabatan

(Buku Teks m.s. 7)

- 16 Kerajaan Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah. Mengapakah kerajaan Majapahit bertindak demikian?
- A Merapatkan hubungan persahabatan
 - B Mengelakkan penaklukan Melaka
 - C Mengahwini Puteri Majapahit
 - D Menyebarkan agama Islam

(Buku Teks m.s. 7)

- 17 Senarai berikut merupakan wilayah naungan kepada Kesultanan Melayu Melaka.

- Kedah
- Patani
- Lingga

Apakah tindakan wilayah tersebut terhadap Kesultanan Melayu Melaka?

- A Membina istana
- B Menerima ketuanan
- C Menyerah bunga emas
- D Memberi kerahan tenaga

(Buku Teks m.s. 7)

- 18 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah naungan?

- I Persahabatan
- II Perkahwinan
- III Peperangan
- IV Perdagangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 7)

- 19 Apakah persamaan sistem perundangan berikut?

- Undang-Undang Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

- A Mengamalkan upacara kesetiaan kepada raja
- B Menerima pengiktirafan daripada Dinasti Ming
- C Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka
- D Meluaskan pengaruh melalui hubungan persahabatan

(Buku Teks m.s. 7)

- 20 Gambar berikut menunjukkan cap mohor Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah fungsi cap mohor tersebut?

- A Menjadi identiti sultan
- B Mengakui kedaulatan sultan
- C Mengukuh kekuasaan sultan
- D Mengesahkan arahan sultan

(Buku Teks m.s. 7)

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

(Buku Teks m.s. 8 – 11)

- 21 Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai pentadbiran yang tersusun. Apakah sistem pentadbiran tersebut?

- A Pembesar Pusat
- B Pembesar Berempat
- C Pembesar Empat Lipatan
- D Pembesar Jemaah Menteri

(Buku Teks m.s. 8)

- 22 Sultan Melaka telah memberikan kuasa pentadbiran kepada Pembesar Berempat. Apakah kuasa pentadbiran yang diterima oleh pembesar tersebut?

- I Pulau
- II Sungai
- III Daerah
- IV Kampung

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 8)

- 23 Pembesar Berempat di Kesultanan Melayu Melaka telah memperoleh kawasan pegangan. Bagaimanakah kawasan pegangan tersebut diperoleh?

- A Peluasan kuasa
- B Pengurniaan sultan
- C Hubungan diplomatik
- D Hubungan keagamaan

(Buku Teks m.s. 8)

- 24 Terdapat pembesar yang membantu pentadbiran di Kesultanan Melayu Melaka. Siapakah pembesar tersebut?
- I Bentara
II Lembaga
III Ketua Adat
IV Orang Kaya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 8)

- 25 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka (KMM).

KMM terkenal kerana kejayaan mewujudkan keamanan di darat dan di laut.

Bagaimanakah kejayaan tersebut tercapai?

- A Jaminan keselamatan oleh Siam
B Ancaman lanun berjaya dibanteras
C Kerjasama dari masyarakat tempatan
D Pelaksanaan pentadbiran peringkat pusat

(Buku Teks m.s. 9)

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan tugas pembesar Kesultanan Melayu Melaka.

- Penasihat sultan
- Pemangku sultan
- Ketua turus angkatan tentera

Apakah jawatan tersebut?

- A Bendahara
B Laksamana
C Syahbandar
D Temenggung

(Buku Teks m.s. 9)

- 27 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Apakah punca kewangan kerajaan tersebut?
- I Bayaran ufti
II Hasil pertanian
III Rampasan perang
IV Urusan perdagangan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 9)

- 28 Apakah tugas pembesar peringkat jajahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Mengutip cukai
B Menasihati sultan
C Mengetuai permuafakatan
D Mengawal perbendaharaan

(Buku Teks m.s. 9)

- 29 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan tugas pembesar Kesultanan Melayu Melaka.

	Pembesar	Tugasan
A	Laksamana	Menguruskan perbendaharaan secara teratur
B	Syahbandar	Menjadi panglima angkatan laut
C	Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
D	Penghulu Bendahari	Mengutip cukai di pelabuhan

(Buku Teks m.s. 9)

- 30 Pembesar peringkat jajahan Kesultanan Melayu Melaka berperanan menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung. Apakah pihak yang melantik pembesar tersebut?

- A Bentara
B Orang Kaya
C Kerabat diraja
D Pembesar Berempat

(Buku Teks m.s. 9)

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan undang-undang Kesultanan Melayu Melaka.

Hukuman dijatuhkan kepada rakyat Melaka yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.

Apakah hukuman yang dikenakan kepada rakyat Melayu tersebut?

- A Bayar denda
B Buang negeri
C Kerahan tenaga
D Hukuman bunuh

(Buku Teks m.s. 10)

- 32 Hukum Kanun Melaka telah menetapkan hukuman setimpal terhadap perbuatan jenayah. Apakah jenis perbuatan jenayah tersebut?
- A Berjudi
 - B Menipu
 - C Mencuri
 - D Bergaduh

(Buku Teks m.s. 10)

- 33 Hukum Kanun Melaka terdiri daripada 44 fasal. Apakah kandungan fasal 1 undang-undang tersebut?
- A Jenayah
 - B Ekonomi
 - C Peranan sultan
 - D Isu kekeluargaan

(Buku Teks m.s. 10)

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka.

Mengikut isu kekeluargaan, terdapat larangan yang dikenakan kepada hamba abdi dan wanita di Melaka.

Apakah larangan tersebut?

- A Membayar cukai
- B Menjadi saksi nikah
- C Menjalankan urusan niaga
- D Menguruskan pelayaran

(Buku Teks m.s. 10)

- 35 Setiap peniaga perlu mematuhi Fasal 30 dalam Hukum Kanun Melaka. Apakah ciri-ciri urusan niaga tersebut?
- I Melarang riba
 - II Melafaz niat jual beli
 - III Membenarkan hutang
 - IV Mempunyai barang dagangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 10)

- 36 Apakah ciri-ciri perdagangan Islam yang ditetapkan dalam Hukum Kanun Melaka?
- A Pengamalan jimat cermat
 - B Penubuhan baitulmal
 - C Pembayaran zakat
 - D Pengharaman riba

(Buku Teks m.s. 10)

- 37 Apakah persamaan sumbangan nakhoda Melaka berikut?

- Nakhoda Jenat
- Nakhoda Diri
- Nakhoda Sahak

- A Menguasai ilmu pelayaran laut dalam
- B Mengekalkan campur tangan kuasa asing
- C Mengemaskinikan urusan pengutipan cukai
- D Mengusahakan Undang-Undang Laut Melaka

(Buku Teks m.s. 11)

- 38 Maklumat berikut merujuk kepada Fasal 13.1 dalam Undang-Undang Laut Melaka.

Nakhoda perlu diberi keutamaan untuk berniaga mengikut tempoh yang dibenarkan.

Apakah tempoh yang dibenarkan?

- A Dua hari
- B Tiga hari
- C Empat hari
- D Lima hari

(Buku Teks m.s. 11)

- 39 Undang-Undang Laut Melaka mengenakan hukuman terhadap perbuatan jenayah di atas kapal.

Apakah perbuatan jenayah tersebut?

- A Bergaduh
- B Mencuri
- C Menipu
- D Berjudi

(Buku Teks m.s. 11)

- 40 Malim berperanan menentukan keselamatan kapal untuk berlabuh dan melakukan pelayaran. Apakah ilmu pelayaran yang menjadi rujukan malim?

- I Ketahanan kapal
 - II Keadaan ombak
 - III Kedudukan bulan
 - IV Kedalaman lautan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 11)

- 41 Maklumat berikut berkaitan dengan pelayaran menurut Undang-Undang Laut Melaka.

Menurut Fasal 9, malim akan dijatuhkan hukuman sekiranya lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan.

Apakah hukuman tersebut?

- A Dijatuhi bunuh
- B Dibuang negeri
- C Dilucutkan jawatan
- D Diturunkan pangkat

(Buku Teks m.s. 11)

- 42 Sistem percukaian telah diperkenalkan terhadap beberapa urusan di Kesultanan Melayu Melaka. Apakah urusan tersebut?

- A Pertanian
- B Pelayaran
- C Pentadbiran
- D Perlombongan

(Buku Teks m.s. 11)

- 43 Kesultanan Melayu Melaka telah memperkenalkan pelbagai cukai.

Apakah cukai tersebut?

- I Cukai tetap
- II Cukai diraja
- III Cukai hasil perniagaan
- IV Cukai perjalanan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 11)

1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

(Buku Teks m.s. 12 – 13)

- 44 Mengapakah pemerintah dan rakyat zaman Kesultanan Melayu Melaka perlu mengamalkan konsep berikut?

Waadat

- A Menjaga kebajikan rakyat
- B Mengawal tingkah laku sultan
- C Mengekalkan kedudukan raja
- D Menjamin kesejahteraan kerajaan

(Buku Teks m.s. 12)

- 45 Peranan pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah mengutip hasil daripada rakyat. Bagaimanakah kutipan hasil tersebut dilakukan?

- A Sistem paksa
- B Sistem serah
- C Sistem kerah
- D Sistem titah

(Buku Teks m.s. 12)

- 46 Pilih jawapan yang **BETUL** berkaitan dengan golongan pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- I Ulama
- II Pembesar
- III Pedagang
- IV Sasterawan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 12)

- 47 Bagaimanakah pembesar membekalkan tenaga tentera kepada Sultan Melaka?

- A Mengupah orang asing
- B Melalui tawanan perang
- C Menggunakan sistem kerah
- D Memaksa masyarakat tempatan

(Buku Teks m.s. 12)

- 48 Peristiwa berikut berlaku terhadap rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat sanggup mematuhi segala arahan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah faktor yang mendorong tindakan rakyat tersebut?

- A Takut ditimpa tulah
- B Peroleh perlindungan
- C Jaminan keselamatan
- D Dijatuhi hukuman penjara

(Buku Teks m.s. 12)

- 49 Terdapat beberapa jenis hamba dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah hamba tersebut?

- I Hamba biasa
- II Hamba perang
- III Hamba tawanan
- IV Hamba berhutang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 13)

- 50 Apakah peranan rakyat Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengutip hasil
- B Menjaga keselamatan
- C Membekalkan makanan
- D Membina istana

(Buku Teks m.s. 13)